



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

## LAPORAN LIPUTAN MEDIA

**12 Januari 2018**

1. Pengimport bumiputera dibantu; Utusan Malaysia

OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT DAN ANTARABANGSA  
BAHAGIAN PERANCANGAN  
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

MEDIA CETAK		MEDIA ELEKTRONIK	
<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL	<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL
<input checked="" type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR	<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR
<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO	<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO
<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME	<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME
<input type="checkbox"/> THE SUN	<input type="checkbox"/> SUNDAY STAR	<input type="checkbox"/> THE SUN	
RUANGAN : News	M/SURAT:	4	RUANGAN :
PERKARA			
<input type="checkbox"/> DASAR JABATAN	<input checked="" type="checkbox"/> IMPORT EKSPORT	<input type="checkbox"/> SISTEM KUALITI	<input type="checkbox"/> PELBAGAI
<input type="checkbox"/> KESIHATAN AWAM	<input type="checkbox"/> KAWALAN PENYAKIT	<input type="checkbox"/> PENGUATKUASAAN	
<input type="checkbox"/> KEBAJIKAN HAIWAN	<input type="checkbox"/> TEKNOLOGI VETERINAR	<input type="checkbox"/> ADUAN	
TARIKH			
12 Januari 2018			



TAJUDDIN ABDUL RAHMAN dan isterinya, Datin Rohikah Samad bersama delegasi Malaysia dan wakil pembekal daging selepas mengadakan pertemuan di New Delhi, India, kelmarin.

## Pengimpor bumiputera dibantu

KUALA LUMPUR 11 Jan.- Pembekal daging import India memberi jaminan untuk memberi peluang kepada pengimpor bumiputera terlibat secara langsung dalam industri pembekalan ke negara ini memandangkan bilangan peniaga Melayu yang terlibat masih rendah.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Tajuddin Abdul Rahman berkata, pengimpor daging bumiputera tidak ramai, ekoran kewujudan kartel yang sekali gus menyebabkan syarikat-syarikat bumiputera terpinggir.

Dalam pertemuan dengan pembekal daging import India semalam, saya memberitahu rata-rata orang Melayu adalah pengguna tetapi penyertaan bumiputera dalam industri import

daging terlalu sedikit iaitu hanya 10 peratus daripada jumlah import iaitu RM1.7 billion setahun dan selebihnya dikuasai oleh pengimpor bukan bumiputera.

"Justeru, mereka (pembekal daging) memberi jaminan untuk membantu dan memberi peluang kepada peniaga bumiputera kita untuk terlibat secara langsung dalam perniagaan ini," katanya dalam satu kenyataan selepas mengadakan pertemuan dengan pengimpor daging India di New Delhi sempena lawatan kerja ke negara itu semalam.

Dalam lawatan tersebut, Tajuddin juga bertemu Menteri Perdagangan dan Industri India, Suresh Prabhakar Phrabu bagi membincangkan peluang untuk meneroka perniagaan di kedua-

dua negara.

Mengulas lanjut, Tajuddin yang juga Ahli Parlimen Pasir Salak berkata, dalam pertemuan dengan pembekal tersebut, mereka diingatkan supaya tidak terlibat dengan pihak-pihak yang cuba menggagalkan usaha untuk 'memberi jalan' kepada peniaga bumiputera.

"Saya terpanggil untuk membentuk keadaan ini kerana kita mahu pengimpor bumiputera juga diberikan peluang sewajarnya dalam industri ini," tegaskan.

Sebelum ini, pengimpor bumiputera berdepan masalah disebabkan beberapa faktor termasuk 'permainan' dalam perniagaan tersebut selain memerlukan modal berjuta-juta ringgit serta tiada hubungan yang kuat dengan negara sumber.